



**JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
MAJLIS PERBANDARAN KULIM**

BORANG PERMOHONAN LESEN IKLAN SEMENTARA (GEGANTUNG / SEPANDUK) UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2010				
A	MAKLUMAT PEMOHON			
Nama Penuh Pemohon / Pemilik Syarikat (seperti dalam Kad Pengenalan)				
No. Kad Pengenalan / No. Pendaftaran Syarikat:		No. Tel		
Emel				
Nama Perniagaan (<i>Mengikut SSM, jika ada</i>)				
Alamat Surat-Menyurat				
B	MAKLUMAT PERMOHONAN LESEN IKLAN SEMENTARA			
Jenis Iklan	Saiz Maksimum	Bilangan Unit	Tajuk Iklan	Tempoh Iklan (Tarikh)
Gegantung (<i>Streamer</i>)	6' x 2'			Dari: Hingga : Jumlah Hari:
Sepanduk (<i>Banner</i>)	10' x 5'			Dari: Hingga : Jumlah Hari:
C	LOKASI YANG DIBENARKAN UNTUK PEMASANGAN SEPANDUK			JUMLAH IKLAN
1.	Stesen Banner - Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Paya Besar			
2.	Stesen Banner - Persimpangan Lampu Isyarat Taman Selasih			
3.	Stesen Banner - Perhentian Bas Padang Serai			
4.	Stesen Banner – Taman Cengal			
5.	Di Hadapan Premis			
LOKASI JALAN YANG DIBENARKAN UNTUK PEMASANGAN GEGANTUNG (DIHADKAN KEPADA 50 UNIT SAHAJA)				
7.	Persimpangan Lunas - Padang Serai hingga Taman Sejahtera			
8.	Simpang Empat Paya Besar hingga Taman Kempas			
9.	TNB Kulim hingga Simpang Empat Taman Selasih			
10.	Persimpangan Sungai Seluang hingga Simpang Paya Besar			
11.	Simpang Empat Keladi hingga Lampu Isyarat ke Jalan Tunku Putra			
PERHATIAN : DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA				
1.	Gambar / Visual Iklan			
2.	Sijil Pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)			
3.	Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Individu / Wakil Penganjur).			
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM) (jika berkaitan).			

KEGUNAAN PEJABAT:

NO. BIL		NO. CAGARAN		NAMA PEGAWAI PENERIMA / COP	
NO. RESIT		NO. RESIT		TANDATANGAN	
JUMLAH (RM)		JUMLAH (RM)		TARIKH	

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	
1	Penggunaan bahasa kebangsaan adalah wajib dan diutamakan. Jika digunakan bersama bahasa lain, saiz tulisan bahasa lain tidak boleh melebihi separuh daripada saiz tulisan bahasa kebangsaan (kecuali tulisan Jawi). Tulisan Jawi adalah digalakkan dan saiz hendaklah berukuran sama atau lebih besar daripada perkataan dalam Bahasa Kebangsaan yang digunakan. Tulisan Jawi hendaklah diletakkan dibahagian atas perkataan utama. Perkataan dalam Bahasa lain hendaklah diletakkan dibawah perkataan Bahasa Kebangsaan. Visual iklan mestilah mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) .
2	Permohonan bagi iklan rokok, minuman keras, judi, pinjaman wang tidak berdaftar, atau unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman dan politik adalah tidak dibenarkan .
3	Pihak MPKK berhak menolak permohonan walaupun visual iklan telah mendapat pengesahan bahasa dari DBP sekiranya didapati visual iklan tersebut tidak sesuai, tidak sopan dan melanggar peraturan serta syarat MPKK seperti iklan tajaan minuman keras, berunsur lucah, judi, perkauman, politik, pinjaman wang tidak berdaftar dan lain-lain.
4	Iklan hendaklah memaparkan imej yang sopan, dan bagi model wanita beragama Islam, pemakaian mestilah menutup aurat.
5	Iklan yang mendapat kelulusan adalah mestilah:- a) Tidak digantung dan dipasang merentangi / melintasi mana-mana jalan/ menimbulkan kacauganggu/ dipaut pada papan tanda lalulintas/ bulatan jalanraya/ bangunan Kerajaan serta laluan protokol . b) Tidak menghalang pandangan pengguna jalan raya terhadap papan tanda lalulintas/ laluan awam . c) Tidak dibenarkan pemasangan iklan di persimpangan jalan/ menghalang pemandangan landskap hiasan . d) Tidak mendirikan struktur. e) Mendapat kebenaran pemilik premis/ bangunan sekiranya iklan dipasang di premis persendirian.
6	Iklan hendaklah dipasang/ digantung oleh pihak pemohon mengikut unit/ bilangan, visual iklan dan lokasi yang dibenarkan sahaja.
7	Pemohon perlu memastikan iklan berada dalam keadaan baik, tidak lusuh, tidak koyak, tidak tertanggal dan tidak menutupi iklan yang lain sepanjang tempoh kelulusan lesen.
8	Pelekat lesen hendaklah ditampal pada bahagian hadapan iklan di penjuru bawah (kiri atau kanan).
9	Bayaran lesen adalah RM10.00 seunit dan terdapat caj proses RM2.00 bagi setiap permohonan. Deposit adalah RM5.00 seunit dan dikenakan bagi permohonan 10 unit dan ke atas .
10	Pemegang lesen hendaklah menurunkan/ menanggalkan kesemua iklan pada tarikh akhir lesen tamat tanpa meninggalkan kesan/ kerosakan / tali/ dawai pada tiang/ kerangka.
11	Pihak Majlis boleh mengarah diturunkan mana-mana iklan serta mana-mana struktur yang didirikan khas bagi iklan itu, sekiranya iklan itu berada dalam keadaan buruk, berlainan daripada yang diluluskan oleh Majlis serta iklan yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan (MPKK) 2010 serta pindaan-pindaan dan syarat-syarat berkenaan.
12	Pihak Majlis tidak bertanggungjawab atas sebarang kehilangan / kerosakan iklan atau pelekat di dalam tempoh lesen.
13	Iklan yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil Iklan (MPKK) 2010 serta pindaan-pindaan dan syarat-syarat berkenaan, akan diturunkan dan dilupuskan semua iklan tanpa sebarang notis.
14	Segala syarat dan peraturan adalah tertakluk kepada keputusan pihak MPKK dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis.
SYARAT TUNTUTAN BALIK DEPOSIT	
A	Pemegang lesen hendaklah memastikan semua iklan yang dipasang telah diturunkan dengan sempurna sebelum mengemukakan borang tuntutan balik deposit yang lengkap beserta dokumen sokongan dalam tempoh 14 hari waktu bekerja dari tarikh tamat tempoh lesen iklan .
B	Kegagalan pemegang lesen mematuhi perkara (A) di atas dan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan (MPKK) 2010 serta pindaan-pindaan dan syarat-syarat berkenaan iklan sementara ini, maka deposit tersebut tidak akan dikembalikan dan dimasukkan ke dalam akaun pihak Majlis, sekiranya pemegang lesen setelah tamat tempoh 14 hari bekerja deposit boleh dituntut, gagal mengemukakan alasan bertulis yang memuaskan pihak Majlis untuk deposit tidak dilucuthakkan .
SAYA _____, (NAMA PEMOHON / SYARIKAT) (NO. KAD PENGENALAN/ NO. PENDAFTARAN SYARIKAT) yang bertandatangan seperti di bawah dengan ini mengaku sebagai orang yang mengemukakan butiran sah seperti di atas, telah memahami dan akan mematuhi segala syarat-syarat, pindaan atau sekatan-sekatan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Sekiranya pelanggaran syarat-syarat ini telah dilakukan oleh saya dan/atau wakil saya dan/atau agen, maka pihak Majlis berhak membatalkan lesen yang telah diluluskan pada bila-bila masa setelah diberikan empat belas (14) hari notis pembatalan, serta pihak Majlis berhak melakukan rampasan ke atas iklan-iklan tersebut dan melaksanakan apa-apa tindakan undang-undang yang berkaitan termasuklah denda bagi kesalahan tersebut. Saya juga bersetuju sekiranya deposit saya tidak dituntut dalam tempoh 14 hari waktu bekerja selepas tamat tempoh iklan termasuk mana-mana deposit iklan yang terdahulu, maka deposit tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun Majlis sebagai hasil. _____ TANDATANGAN PEMOHON / COP SYARIKAT _____ TARIKH	